

17/08/2000

MB: Mahathir serah tiga nama kepada Seri Paduka

Jamhariah Jaafar; Zulkofli Jamaluddin; Minarni Mat Saad  
KLANG, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipercayai menyerahkan tiga nama calon yang sesuai dilantik sebagai Menteri Besar Selangor kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, untuk mendapatkan perkenan baginda.

Senarai nama itu diserahkan Perdana Menteri ketika menghadap Seri Paduka di Istana Negara di sini, pagi ini.

Dalam pertemuan itu, Yang Dipertuan Agong dikatakan meminta Perdana Menteri mendapatkan maklumat serta latar belakang terperinci mengenai dua daripada tiga calon berkenaan.

Sumber memberitahu, maklumat berkenaan perlu diserahkan secepat mungkin bagi membolehkan baginda memperkenalkan salah seorang daripada tiga calon yang dikemukakan.

Difahamkan, tiga nama yang disenarai pendek itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Setinggan, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahalan; Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Perikanan, Datuk Raja Ideris Raja Ahmad serta Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Dr Mahathir turut mengadakan perbincangan dengan beliau mengenai calon yang paling layak untuk jawatan berkenaan.

Beliau berkata, antara kriteria yang dilihat ialah bakal Menteri Besar itu mesti seorang yang mempunyai kemampuan untuk memimpin dan menjadi Menteri Besar yang baik.

"Kami ada bercakap (mengenai siapa yang patut dipilih) tetapi keputusan akhir akan dibuat oleh Perdana Menteri," katanya.

Katanya, Menteri Besar baru Selangor mungkin diumumkan sebelum Dr Mahathir berangkat ke Mozambique untuk menyertai Dialog Afrika, Sabtu ini.

Bagaimanapun, Abdullah tidak menolak kemungkinan Perdana Menteri akan meminta beliau membuat pengumuman berkenaan.

Sehingga petang semalam, nama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beranang, Ahmad Kuris Mohd Nor, tersebar luas sebagai pengisi jawatan berkenaan berikutan beliau dipanggil bertemu Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.

Bagaimanapun, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Ahmad Kuris dipanggil untuk memberi penjelasan mengenai kehadiran poster di kawasanya yang tidak mahu seorang daripada 11 calon dalam senarai utama, dilantik Menteri Besar baru.

Namun, jika Ahmad Kuris, 43, memang menjadi pilihan, Adun itu akan mengulangi sejarah bekas Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, iaitu sebagai muka baru yang tidak begitu berpengalaman ketika dilantik. Ahmad Kuris, menjadi Adun selepas memenangi pilihan raya umum 1999.

(END)